

Pendapatan peniaga meningkat sejak operasi MRT



Menteri KPDNKK, Datuk Seri Hamzah Zainuddin ketika hadir pada Program Jom Naik MRT, baru-baru ini.

PENDAPATAN peniaga meningkat tiga kali ganda sejak operasi Fasa Kedua Laluan Transit Aliran Massa (MRT) antara Kajang dan Muzium Negara bermula 17 Julai lalu.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berkata, berikutan peningkatan mendadak jumlah pelanggan setiap hari mendorong peniaga mengambil lebih ramai pekerja untuk memastikan operasi perniagaan berjalan lancar.

"Secara tidak langsung, perkara ini telah mewujudkan peluang pekerjaan serta meningkatkan tahap sosio-ekonomi penduduk setempat," katanya.

Baru-baru ini, Program Jom Naik MRT dianjurkan SSM yang turut disertai Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Dalam program sama, Bahagian Pematuhan SSM telah menjalankan pemeriksaan ke atas 100 premis perniagaan dan hasilnya mendapati 80 peratus daripadanya mematuhi peraturan asas perniagaan.

Manakala, 20 peratus lagi didapati melanggar peraturan seperti tidak mempamerkan sijil pendaftaran perniagaan dan papan tanda meragukan serta tidak mempamerkan nombor pendaftaran perniagaan.

Premis perniagaan yang didapati patuh kepada semua syarat ditetapkan diberikan Sijil Komemoratif sebagai memperingati pelancaran projek MRT ini.